

D996

B B751 DEB
BN - GERAKAN R R R

KUALA LUMPUR, 5 JUN (BERNAMA) -- PARTI GERAKAN KEKAL DALAM BARISAN NASIONAL DAN PARTI ITU TIDAK PERNAH MENGUGUT UNTUK KELUAR DARI BN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

SEBALIKNYA, TEGAS BELIAU, APA YANG DIKATAKAN +UGUTAN+ GERAKAN UNTUK KELUAR DARI BN ADALAH KERANA SALAH FAHAM OLEH BEBERAPA PIHAK TERMASUK AKHBAR-AKHBAR.

BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BN DI KOMPLEKS UMNO DI SINI BAHAWA KENYATAAN AKHBAR OLEH BEBERAPA PIHAK SEBELUM INI MEMBERI GAMBARAN SEOLAH-OLAH BN KINI MENGALAMI KERETAKAN AKIBAT PERSELISIHAN FAHAM DI KALANGAN ANGGOTANYA.

BELIAU YANG JUGA PENGERUSI BN BERKATA KENYATAAN YANG TERSIAR DALAM AKHBAR-AKHBAR JUGA MENGGAMBARAKAN KONONNYA GERAKAN MENGUGUT UNTUK KELUAR DARI BN DAN BERTANDING MENGGUNAKAN LAMBANGNYA SENDIRI.

+SEBENARNYA, INI ADALAH KERANA SALAH FAHAM KENYATAAN YANG DIBUAT TERMASUK KENYATAAN YANG DIKATAKAN DIBUAT OLEH SAYA SENDIRI (DI ALOR SETAR),+ TEGAS DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI.

2020MST 05 06 86

B B753 DEB
BN - GERAKAN 2 KUALA LUMPUR R R R

SEMASA MELAWAT KEDAH DUA HARI MINGGU LEPAS, BELIAU DILAPORKAN OLEH DUA BUAH AKHBAR TELAH MENYEBUT SEBAGAI BERKATA +BN SEDIA MELIHAT GERAKAN BERTANDING MENGGUNAKAN LAMBANGNYA SENDIRI DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

+KALAU GERAKAN HENDAK BERTANDING ATAS LAMBANGNYA SENDIRI, BIARLAH DAN KITA AKAN LIHAT.

+BIARLAH GERAKAN KELUAR DARIPADA BN DAN BERTANDING SENDIRI,+ DEMIKIAN AKHBAR-AKHBAR ITU MENGUTIP PERDANA MENTERI SEBAGAI MEMBERITAHU MEREKA.

AKHBAR-AKHBAR ITU MENDAKWA TELAH MEMINTA DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULAS APA YANG DIKATAKAN +UGUTAN+ GERAKAN UNTUK BERTANDING MENGGUNAKAN LAMBANGNYA SENDIRI JIKA PERMINTAANNYA MENDAPATKAN TAMBAHAN KERUSI TIDAK DIPENUHI OLEH BN DAN KEMUNGKINAN TERUS KELUAR DARI BN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN: +APA YANG DIKATAKAN KENYATAAN SAYA ITU BUKAN SEBENARNYA KENYATAAN YANG DIBUAT OLEH SAYA KEPADA AKHBAR (SEBAGAIMANA DIDAKWA OLEH AKHBAR-AKHBAR BERKENAAN).+ -- LAGI.

2030MST 05 06 86

B 8759 DEB
BN - GERAKAN 3 KUALA LUMPUR R R R

PERDANA MENTERI BERKATA SEBENARNYA JAWAPANNYA ITU ADALAH SEBAGAI MENJAWAB SECARA +BERSELOROH DAN TIDAK SERIUS+ SOALAN SEORANG ANGGOTA UMNO DI MAJLIS BERBUKA PUASA DAN NUZUL QURAN DI MASJID SI-PUTEH, JITRA PADA 30 MEI.

BELIAU MENGESALI KERANA JAWAPANNYA ITU TELAH DISIARKAN SEBAGAI KENYATAAN YANG DIBUAT OLEHNYA KEPADA AKHBAR.

KATANYA (BEBERAPA PIHAK) JUGA DIDAPATI TERSALAH FAHAM DENGAN KENYATAAN YANG DIKATAKAN DIKELUARKAN OLEH DATUK DR. LIM KENG YAIK (PRESIDEN GERAKAN).

+BELIAU (DATUK DR. LIM) CUMA MEMBERI PENDAPAT TETAPI TIDAK MERUPAKAN UGUTAN UNTUK KELUAR DARIPADA BN,+ JELASNYA.

KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, BELIAU TELAH MENEMUI PRESIDEN GERAKAN TENGAH HARI INI YANG MENJELASKAN KEPADANYA KEDUDUKAN SEBENAR TENTANG APA YANG DIKATAKAN KENYATAAN-KENYATAANNYA YANG DISIARKAN OLEH AKHBAR-AKHBAR.

+SAYA BERPUAS HATI DENGAN PENJELASAN YANG DIBUAT OLEHNYA DAN SAYA PERCAYA TIDAK ADA NIAT PADA PIHAK GERAKAN UNTUK KELUAR DARI BN.+ -- LAGI.

2052MST 05 06 86

0023

B 8764 DEB
BN - GERAKAN 4 KUALA LUMPUR

UMUMNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR, PEMIMPIN-PEMIMPIN GERAKAN TIDAK BERHAJAT UNTUK KELUAR DARIPADA BN.

+KAMI SEMUA BERSETUJU IAITU JIKA ADA SEBARANG MASALAH ANTARA PARTI KOMPONEN BN ATAU ANTARA KOMPONEN DENGAN BN MAKA MASALAH INI AKAN DISELESAIKAN MENERUSI MESYUARAT ANTARA ANGGOTA PARTI DAN MUNGKIN RUNDINGAN DENGAN SAYA SENDIRI SEBAGAI Pengerusi BN.

+JIKA PERLU KAMI AKAN MENGADAKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BN UNTUK MENYELESAIKAN SEGALA MASALAH TERMASUK BERKAITAN DENGAN PEMBAGIAN KERUSI,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MESYUARAT PADA HARI INI BERPENDAPAT BAHAWA KEADAAN SEKARANG ADALAH JELAS DAN TIDAK ADA SEBARANG PERSELISIHAN PENDAPAT ANTARA PARTI KOMPONEN BN.

+KAMI ADALAH BERSATU HATI DALAM MENGHADAPI SEGALA KEMUNGKINAN DALAM POLITIK NEGARA KITA INI.+ -- LAGI.

2105MST 05 06 86

0034

U 8766 DEB
BN - GERAKAN 5 KUALA LUMPUR

MENGENAI SAMA ADA PARTI-PARTI KOMPONEN BN DIBENARKAN BERTANDING MENGGUNAKAN LAMBANG SENDIRI JIKA MEREKA TIDAK PUAS HATI DENGAN PERUNTUKAN KERUSI, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU TIDAK LANGSUNG DIBINCANGKAN PADA MESYUARAT HARI INI.

SEBALIKNYA, SEMUA PARTI KOMPONEN BERSETUJU UNTUK BERTINDAK SEHALUAN DAN BERTANDING MENGGUNAKAN LAMBANG BN PADA PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG, KATANYA. -- BERNAMA.

2134MST 05 06 86